A

PP

lwn.

SHUHAIMI SAAD

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
ABDUL MALIK ISHAK HMR
AZAHAR MOHAMED HMR
BALIA YUSOF WAHI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-05-45-2011]

C

22 JANUARI 2013

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Rayuan terhadap keputusan melepaskan dan membebaskan responden - Sama ada responden melakukan kecederaan yang*

D

menyebabkan kematian si mati - Elemen-elemen pembelaan mempertahankan diri - Sama ada terbukti - Sama ada wujud sebarang bentuk bahaya atau ketakutan yang munasabah - Intipati penting mens rea - Sama ada wujud - Sama ada terdapat keterangan jelas responden berniat membunuh si mati - Sama ada responden melakukan kesalahan mematikan orang

E

yang tidak terjumlah kepada membunuh - Kanun Keseksaan, s. 304(a)

Responden telah dituduh dengan satu pertuduhan melakukan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') kerana membunuh seorang lelaki ('si mati') di depan sebuah rumah di Jalan

F

Pahlawan, Alor Setar. Di akhir perbicaraan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes terhadap responden melampaui keraguan munasabah, dan oleh yang demikian, responden telah dilepaskan dan dibebaskan. Pendakwa Raya telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini

G

terhadap keputusan tersebut. Keterangan-keterangan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan membunuh terhadap responden bergantung kuat kepada keterangan saksi utama SP6. Menurut SP6, pada hari kejadian itu, beliau melihat telah berlaku pergaduhan di antara responden

H

dengan si mati. Menurut SP6, responden telah menendang si mati sehingga terpelanting ke bawah meja. Selepas itu, mereka dilihat bergaduh sehingga responden menarik si mati keluar ke hadapan rumah itu di mana SP6 melihat responden memukul kepala si mati dengan kayu, bata dan kapak. Responden kemudiannya telah

I

menyuruh SP11 membuang si mati yang telah digulung ke dalam tikar. Dengan si mati di atas motosikal, SP11 telah menunggang

motosikalnya dan meninggalkan tempat itu. Kemudiannya, si mati telah dijumpai oleh seorang anggota peronda polis, SP3, di dalam satu longkang besar. Si mati disahkan meninggal dunia di hospital dan sebab kematiannya disahkan oleh pakar forensik ('SP8') sebagai 'kecederaan pada bahagian kepala'. Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf apabila memutuskan bahawa pembelaan 'mempertahankan diri' yang diberi oleh responden terpakai di dalam kes ini kerana semua elemen pembelaan 'mempertahankan diri' tidak dipenuhi. Dalam penghujahannya, TPR berkata bahawa responden telah melampaui hak mempertahankan diri.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Laporan bedah siasat yang disediakan oleh SP8 menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 48 kesan kecederaan pada si mati. Kecederaan-kecederaan yang kelihatan pada anggota tubuh si mati merangkumi kecederaan akibat daya tumpul dan juga daya tajam dan daripada corak sesetengah kecederaan yang kelihatan pada anggota tubuh tersebut, kecederaan-kecederaan sedemikian boleh dikategorikan sebagai kecederaan tangkisan (defensive wounds). (perenggan 15)

(2) Daripada keterangan SP6, adalah jelas bahawa pergaduhan berlaku antara responden dan si mati sahaja dan tidak melibatkan sesiapa lagi. Berdasarkan keterangan SP6 yang perlu dilihat secara keseluruhan, responden ada mengetuk si mati dengan sesuatu, dan dengan yang demikian, kesimpulan yang boleh dibuat adalah bahawa respondenlah orang yang sebenarnya menyebabkan kecederaan di kepala si mati yang menyebabkan kematiannya. (perenggan 16)

(3) Walaupun pergaduhan tersebut telah dimulakan oleh si mati yang telah terlebih dahulu memecahkan satu botol kaca yang menimbulkan kebimbangan responden, tindakan oleh responden mengetuk kepala si mati dengan satu alat yang amat berbahaya adalah tidak perlu dan keterlaluan. Sungguhpun responden memberi alasan bahawa si mati lebih besar daripada beliau tetapi keterangan SP6 menunjukkan responden telah menendang si mati sehingga masuk ke bawah meja. Tiada sebarang bahaya yang mungkin datang daripada si mati

terhadap nyawa responden atau yang boleh menyebabkan kecederaan teruk kepadanya. Tiada wujud sebarang justifikasi mengapa kecederaan dikenakan begitu teruk sekali ke atas si mati oleh responden. Di mana tiada wujud lagi sebarang bentuk bahaya atau ketakutan yang munasabah akan bahaya, maka tiada wujud lagi pembelaan pertahanan persendirian dan keperluan dalam suasana tersebut. (perenggan 17)

(4) Hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal menimbangkan keterangan yang telah dihuraikan. Kekhilafan ini mewajarkan campur tangan mahkamah di dalam kes ini. Responden sebenarnya tidak bertindak untuk mempertahankan diri dan kecederaan yang telah dilakukan oleh beliau telah menyebabkan kematian si mati. Walau bagaimanapun, di atas keterangan yang ada, tidak sepatutnya responden disabitkan dengan kesalahan membunuh kerana intipati penting iaitu *'mens rea'* tidak wujud. Tiada keterangan yang jelas menunjukkan bahawa responden berniat untuk membunuh si mati. Responden telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh. Mengambil kira bahawa kematian si mati berpunca daripada satu pergaduhan, s. 304(a) Kanun terpakai di mana responden mempunyai niat untuk menyebabkan kecederaan bencana tubuh yang mana mungkin menyebabkan kematian. (perenggan 17 & 18)

(5) Kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada responden dan juga sebagai perlindungan kepada masyarakat. Kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah serius. Responden patut menerima akibat atas kesalahan yang telah dilakukan itu. Oleh itu, rayuan Pendakwa Raya dibenarkan dan responden disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun. Responden dihukum penjara selama tempoh 15 tahun. (perenggan 19 & 20)

English *Translation Of Headnotes*

The respondent was charged for committing an offence under s. 302 of the Penal Code ('the Code') for murdering a man ('deceased') in front of a house at Jalan Pahlawan, Alor Setar. At the end of the trial, the trial judge found that the prosecution had failed to prove its case beyond a reasonable doubt against the

respondent and as such, had acquitted and discharged the respondent. The prosecution appealed to this court against the said decision. The evidence relied upon by the prosecution to prove the murder charge against the respondent depended strongly on the evidence of the main witness, SP6. According to SP6, on the day of the incident, an altercation had taken place between the respondent and the deceased. According to SP6, the respondent had kicked the deceased until he was thrown under the table. Thereafter, both the respondent and the deceased were seen continuously fighting until the respondent had pulled the deceased to the front of the house where SP6 saw the respondent hitting the deceased's head with a piece of wood, brick and an axe. The respondent had then instructed SP11 to dispose of the deceased who had been wrapped into a mat. SP11 had driven off with the deceased on the motorcycle and left the place. Subsequently, the deceased was found by a member of the police patrol unit, SP3, in a large drain. The deceased was pronounced dead at the hospital and the cause of death was confirmed by the forensic expert ('SP8') as 'injuries to the head'. The Deputy Public Prosecutor ('DPP') submitted that the trial judge had erred when he held that the claim of self defence given by the respondent was applicable to this case because the essential elements to the right of 'self-defence' was not satisfied. In his submission, the DPP stated that the respondent had gone beyond his right of self defence.

Held (allowing the appeal)
Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) The post mortem report provided by SP8 showed that there were at least 48 marks of injuries found on the deceased. The injuries seen on the body of the deceased included injuries due to blunt and sharp forces and from some of the pattern of the injuries seen on the deceased's body, they could be categorised as defensive wounds.

(2) From the evidence of SP6, it was clear that an altercation had ensued between the respondent and the deceased only and it did not involve anybody else. Based on the evidence of SP6 that needed to be seen as a whole, the respondent had hit the deceased with something, thus the conclusion was that it was the respondent who had caused the injuries to the head of the deceased resulting in the latter's death.

A **(3)** Even though the deceased had started the said altercation by breaking a glass bottle which caused the respondent to be concerned, the respondent's act in hitting on the head of the deceased with a dangerous weapon was unnecessary and excessive. The respondent had submitted that the deceased B was much bigger than him but the evidence of SP6 showed that the respondent had kicked the deceased until the latter was thrown underneath a table. There was no real danger that could have come from the deceased to the life of the respondent or that could have caused serious injuries to him. C There was no justification as to why the respondent had inflicted such severe injuries on the respondent. When there was no real form of danger or a reasonable fear of danger, therefore the claim of self defence and the need to self defend in such situation did not arise.

D

(4) The trial judge had erred in law and facts in failing to consider the evidence adduced. This error warranted the interference of the court. The respondent had not acted in self defence and the injuries caused by the respondent had resulted in the E death of the deceased. However, on the evidence, the respondent should not have been convicted for the offence of murder because the crucial element of *'mens rea'* did not exist. The respondent had committed an offence of culpable homicide not amounting to murder. Taking into consideration F that the death of the deceased stemmed from a fight, s. 304(a) of the Code was applicable wherein the respondent had intended to cause such bodily injuries which was likely to cause the death.

G **(5)** Public interest was a main factor in sentencing to serve as a lesson to the respondent as well as protection to the public. The offence committed by the respondent was serious. The respondent should accept the consequences of the offence he had committed. Thus, the prosecution's appeal was allowed H and the respondent was convicted of the offence under s. 304(a) of the Code. The respondent was sentenced to 15 years' imprisonment.

Kes-kes yang dirujuk:
Chung Tain Kong v. PP [2010] 2 CLJ 308 CA ***(dirujuk)***

I

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 34, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 302, 304(a)

Bagi pihak perayu - Tetralina Ahmed Fauzi; TPR
Bagi pihak responden - Martin Tay; T/n Martin Tay & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Alor Setar; Perbicaraan Jenayah No: 45B-29-2009]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed HMR:

[1] Pada asalnya, Shuhaimi bin Saad ('responden') dan dua orang yang lain, iaitu Syahrul Azman bin Mohd Saad ('tertuduh kedua') dan Muhd Razif bin Mohd Tahir ('tertuduh ketiga') telah dituduh dan dibicarakan bersama-sama di Mahkamah Tinggi Alor Setar dengan satu pertuduhan kerana melakukan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama dengan s. 34 Kanun yang sama kerana membunuh seorang yang bernama Mohd Rodzi Azaini bin Azmi ('si mati'). Kesalahan ini dikatakan telah dilakukan oleh mereka bertiga bersama-sama pada 16 Julai 2008, jam lebih kurang 11.30 malam, di depan rumah nombor 1194-A, Jalan Pahlawan, Alor Setar, di dalam Daerah Kota Setar di dalam Negeri Kedah Darul Aman.

[2] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh kedua dan tertuduh ketiga. Oleh yang demikian, hakim bicara telah melepaskan dan membebaskan mereka tanpa pembelaan dipanggil.

[3] Walau bagaimanapun hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap responden dan memerintahkan responden membela diri terhadap pertuduhan membunuh si mati. Seterusnya pindaan ke atas pertuduhan asal telah dibuat dengan memotong perkataan 'bersama-sama' dan s. 34 Kanun. Pertuduhan pindaan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16 Julai 2008, jam lebih kurang 11.30 malam, di depan rumah nombor 1194-A, Jalan Pahlawan, Alor Setar, di dalam Daerah Kota Setar di dalam Negeri Kedah Darul Aman,

telah membunuh Mohd Rodzi Azaini bin Azmi (KPT 740213-02-5003) dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[4] Di akhir perbicaraan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes terhadap responden melampaui keraguan yang munasabah, dan oleh yang demikian responden telah dilepaskan dan dibebaskan. Pendakwa Raya telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut. Kami telah mendengar rayuan ini dan di akhir pendengaran, kami sebulat suara membenarkan rayuan yang berkenaan. Perintah hakim bicara yang melepaskan dan membebaskan responden telah diketepikan dan kami telah mensabitkan responden dengan satu kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun dan seterusnya responden diperintahkan dihukum penjara selama tempoh 15 tahun mulai 29 Ogos 2012, iaitu tarikh kami menjatuhkan hukuman terhadap responden.

[5] Sekarang diperturunkan alasan keputusan kami.

[6] Keterangan-keterangan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan pertuduhan membunuh di bawah s. 302 Kanun terhadap responden boleh diringkaskan seperti berikut. Kes pendakwaan bergantung kuat kepada keterangan Norhazrita binti Yusof ('SP6') yang merupakan saksi utama. Pada malam 16 Julai 2008, SP6 telah pergi ke rumah responden di Jalan Pahlawan, Alor Setar, Kedah bersama tertuduh ketiga. Sebelum itu, mereka telah, antara lain, membeli empat botol minuman keras jenama "Thai Song" untuk diminum di rumah responden. Apabila sampai di rumah responden, SP6 mendapati responden, tertuduh kedua dan si mati sedang berbual-bual di rumah itu. Mereka kemudian telah bersama-sama meminum arak yang dibeli oleh SP6 dan tertuduh ketiga.

[7] Tidak lama kemudian berlaku pergaduhan antara responden dengan si mati yang dimulai dengan pertengkaran mulut. Dalam masa pergaduhan tersebut, si mati telah memecahkan satu botol kaca bekas minuman keras dan pecahan kaca dari botol telah mengenai responden. Dalam pergaduhan tersebut, responden telah menendang si mati sehingga terpelanting ke bawah meja. Selepas itu mereka terus-menerus bergaduh di dalam rumah sehinggalah responden menarik si mati keluar ke hadapan rumah itu. Semasa di luar rumah ini, responden dan si mati berterusan bergaduh dan

semasa pergaduhan di luar ini, SP6 melihat responden memukul kepala si mati dengan kayu, bata dan kapak. Semasa disoal balas oleh peguambela responden, SP6 mengatakan oleh kerana keadaan agak gelap di tempat kejadian, beliau tidak dapat melihat dengan jelas responden telah gunakan kapak untuk memukul kepala si mati.

[8] Responden kemudiannya menyuruh tertuduh kedua dan tertuduh ketiga mencari tikar dan tali. Pada masa yang sama, seorang yang bernama Mohd Farizal bin Jaafar ('SP11') telah sampai di rumah responden dengan menaiki motosikal. Responden kemudiannya menyuruh tertuduh kedua dan ketiga serta SP11 menggulung si mati ke dalam tikar itu dan menyuruh mereka membuang si mati. Si mati yang pada masa itu masih lagi bernyawa telah diangkat ke atas motosikal SP11. Dengan si mati di atas motosikal, SP11 telah menunggang motosikalnya meninggalkan tempat tersebut. Pada masa tersebut, SP11 berfikiran bahawa beliau sedang membawa mayat si mati. Menurut SP11, ketika sampai di satu simpang tiga, si mati telah terjatuh dari motosikal. SP11 telah meninggalkan "mayat" tersebut di situ dan terus memecut motosikal beliau dari situ. Selepas itu beliau tidak tahu apa yang berlaku pada "mayat" si mati.

[9] Kemudiannya, si mati telah dijumpai oleh seorang anggota peronda polis, Koperal Zulkifli bin Malik ('SP3') di dalam satu longkang besar yang berair di belakang bangunan Tenaga Nasional Berhad, Jalan Sultan Badlishah, Alor Setar. Menurut SP3, beliau telah pergi ke lokasi tersebut pada 17 Julai 2008, jam lebih kurang 12.30 tengah hari setelah dimaklumkan oleh bilik gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar tentang terdapat mayat di dalam longkang tersebut. Menurut SP3 apabila sampai di tempat tersebut, beliau menemui seorang lelaki yang masih hidup (yang kemudian dikenali sebagai si mati) di dalam longkang besar itu. Selepas itu, si mati telah dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar.

[10] Si mati kemudiannya disahkan meninggal dunia di hospital tersebut pada 17 Julai 2008 jam lebih kurang 7.15 malam. Sebab kematian si mati disahkan oleh Dr. Mohd Suhaimi bin Mohd Nor ('SP8') pakar forensik sebagai 'kecederaan pada bahagian kepala'.

[11] Responden dalam pembelaannya di Mahkamah Tinggi memilih untuk memberi keterangan bersumpah. Menurut responden, pergaduhan tersebut telah dimulakan oleh si mati yang telah terlebih dahulu memecahkan satu botol kaca yang menimbulkan

kebimbangan responden yang beliau akan dicederakan. Responden tidak menafikan menggunakan kayu mop untuk memukul dan mengetuk si mati bagi mempertahankan diri kerana si mati adalah seorang yang berbadan besar dan kuat. Responden menafikan telah menggunakan alatan lain untuk mencederakan si mati.

[12] Hakim bicara telah menerima pembelaan mempertahankan diri responden. Dalam penghakimannya, hakim bicara telah berkata di ms. 122 hingga 123 rekod rayuan:

> Semasa memanggil pembelaan OKT Pertama saya dapati keterangan SP6 boleh dipercayai tentang kecederaan si mati turut disebabkan penggunaan kapak dan sebagainya. Keterangan SP6 ini mesti ditimbangkan semula selepas mendengar keterangan pembelaan OKT Pertama. Tugas pihak pembela adalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja terhadap kes *prima facie* pendakwa seperti yang ditegaskan di dalam *Mat v. Public Prosecutor* [1963] MLJ 263). Saya dapati pertimbangan ke atas pembelaan dan keseluruhan keterangan telah menunjukkan keraguan yang munasabah tentang sama ada kecederaan-kecederaan si mati semuanya disebabkan oleh apa yang dilakukan oleh OKT Pertama. Keraguan ini pula menyokong pembelaan OKT Pertama bahawa apa yang dilakukannya hanyalah untuk mempertahankan diri dan OKT Pertama tidak bertindak lebih dari apa yang perlu dari mempertahankan diri tersebut.

[13] Di hadapan kami, Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') telah berhujah bahawa hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pembelaan 'mempertahankan diri' itu terpakai dalam kes ini. Menurut TPR dalam hal keadaan kes ini, semua elemen pembelaan 'mempertahankan diri' tidak dipenuhi. Dalam penghujahannya, TPR berkata bahawa responden telah melampaui hak mempertahankan diri. Kami mendapati hujah TPR mempunyai merit.

[14] Undang-undang tentang pembelaan pertahanan persendirian diperuntukkan dalam s. 96 sehingga s. 106 Kanun. Dalam kes *Chung Tain Kong v. PP* [2010] 2 CLJ 308, Abdull Hamid Embong HMR (yang arif pada masa itu) sewaktu menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa s. 96 Kanun memaafkan mana-mana perbuatan salah jika ianya dilakukan untuk mempertahankan diri. Ia mengiktiraf perbuatan sedemikian sebagai satu pembelaan statutory sepenuhnya. Beban untuk membuktikan keadaan-keadaan yang boleh membawa suatu kes ke dalam skop hak mempertahankan diri adalah terletak atas tertuduh.

Standard pembuktian adalah atas keberatan kebarangkalian. Bagaimanapun, beban awal untuk membuktikan keterlibatan tertuduh adalah atas pendakwaan. Di ms. 316, YA Hakim Abdull Hamid Embong menambah seperti berikut:

> However four cardinal justifications must exist before the killing of an assailant can be justified in a plea of self defence. These are described in Ratanlal and Dhirajlal's *Law of Crimes* 25th edn. as:
>
> i. The accused must be free from fault in bringing about the encounter,
>
> ii. There must be present an impending peril to life or of great bodily harm either real or so apparent,
>
> iii. There must be no safe or reasonable mode of escape by retreat, and
>
> iv. There must have been a necessity of taking life.
>
> These justifications must also be read together with the provisions of s. 99 Penal Code in particular s. 99(4) which states that:
>
> > *the right of private defence in no case extends to the inflicting of more harm than it it is necessary to inflict for the purpose of defence*. (emphasis added).
>
> This particular defence will thus need to be considered against the particular facts and circumstances of the case.
>
> In this case we had considered this defence from two aspects. Firstly whether the use of force by the appellant was completely necessary and secondly, whether the killing of the deceased was in the circumstances, justified (see *Lee Thian Beng v. Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 248).

[15] Berbalik kepada kes di hadapan kami, laporan post mortem (exh. P5) yang disediakan oleh SP8 menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 48 kesan kecederaan pada si mati. Menurut SP8, terdapat keretakan tulang tengkorak yang tertekan atau 'depress fracture' di kawasan dahi berserta keretakan tunjang hidung dan bahagian dasar tengkorak. Ada juga keretakan yang tertekan di tepi kiri tengkorak si mati. Beliau juga mendapati bahagian kiri tulang rahang si mati telah patah dan demikian juga tulang pipi kiri dan bahagian lantai rongga-rongga mata kiri dan kanan. SP8 berpendapat kecederaan-kecederaan yang kelihatan pada anggota

tubuh atas si mati merangkumi kecederaan akibat daya tumpul dan juga daya tajam dan daripada corak sesetengah kecederaan yang kelihatan pada anggota tubuh atas tersebut, kecederaan-kecederaan sedemikian boleh dikategorikan sebagai kecederaan tangkisan (defensive injuries).

[16] Dalam hubungan ini, pegawai penyiasat, C/Insp. Chua Chong Kheow ('SP5') dalam keterangannya menyatakan bahawa sewaktu beliau menjalankan siasatan di tempat kejadian, beliau telah menemui sebatang kayu kapak dengan mata kapak yang telah terpatah dua. Dalam hubungan ini, memang benar sewaktu disoal balas oleh peguam responden, SP6 menyatakan bahawa beliau tidak pasti responden telah mengetuk kepala si mati dengan kapak. Semasa memberi keterangan di peringkat pemeriksaan utama, SP6 menyatakan responden adalah orang yang telah ketuk kepala si mati dengan kapak. Walau bagaimanapun sewaktu disoal semula oleh TPR, SP6 menjelaskan bahawa beliau pasti bahawa responden ada mengetuk kepala si mati dengan sesuatu. Daripada keterangan SP6, adalah jelas bahawa pergaduhan berlaku antara responden dan si mati sahaja dan tidak melibatkan tertuduh kedua dan ketiga. Fakta-fakta ini tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara. Pada hemat kami, berdasarkan keterangan SP6 yang perlu dilihat secara keseluruhan, responden ada mengetuk si mati dengan sesuatu, dan dengan yang demikian kesimpulan yang boleh dibuat adalah bahawa respondenlah orang yang sebenarnya yang menyebabkan kecederaan di kepala si mati yang menyebabkan kematian si mati.

[17] Kini kami menyentuh isu mempertahankan diri. Berdasarkan keterangan dan keadaan kes ini, walaupun pergaduhan tersebut telah dimulakan oleh si mati yang telah terlebih dahulu memecahkan satu botol kaca yang menimbulkan kebimbangan responden, namun kami berpendapat bahawa tindakan oleh responden mengetuk kepala si mati dengan satu alat yang amat berbahaya adalah tidak perlu dan keterlaluan. Sungguhpun responden memberi alasan si mati lebih besar dari beliau tetapi keterangan SP6 menunjukkan responden telah menendang si mati sehingga masuk ke bawah meja. Dalam keadaan kes ini, kami berpendapat tiada sebarang bahaya yang mungkin datang dari si mati terhadap nyawa responden atau yang boleh menyebabkan kecederaan teruk kepadanya. Keterangan jelas menunjukkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dikenakan terhadap si mati oleh responden adalah sangat berlebihan daripada kecederaan yang

dibenarkan. Tiada wujud sebarang justifikasi mengapa kecederaan dikenakan begitu teruk sekali ke atas si mati oleh responden. Di mana tiada wujud lagi sebarang bentuk bahaya atau ketakutan yang munasabah akan bahaya, maka tiada wujud lagi pembelaan pertahanan persendirian dan keperluan dalam suasana tersebut. Seandainya memang wujud kemungkinan bahaya sedemikian pada fikiran responden, beliau boleh pada bila-bila masa meminta pertolongan daripada tertuduh kedua dan ketiga. Dalam apa keadaan pun responden berupaya untuk lari atau melepaskan diri daripada sebarang ancaman si mati. Hakim bicara telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal menimbangkan keterangan yang kami huraikan di atas. Kekhilafan ini mewajarkan kami campur tangan dalam kes ini.

[18] Pada pandangan kami, responden sebenarnya tidak bertindak untuk mempertahankan diri. Sepertimana yang dapat dilihat daripada keterangan kes ini, kecederaan yang telah dilakukan oleh responden telah menyebabkan kematian si mati. Walau bagaimanapun, di atas keterangan yang ada, tidak sepatutnya responden disabitkan dengan kesalahan membunuh kerana intipati penting iaitu '*mens rea*' tidak wujud. Tiada keterangan yang jelas responden berniat untuk membunuh si mati. Setelah meneliti keseluruhan keterangan, kami mendapati bahawa responden telah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh. Mengambil kira bahawa kematian si mati berpunca daripada satu pergaduhan, kami berpendapat dalam keadaan kes ini, s. 304(a) Kanun terpakai di mana responden dengan niat untuk menyebabkan kecederaan bencana tubuh yang mana mungkin menyebabkan kematian.

[19] Dalam menimbangkan persoalan hukuman pula, kami telah mengambil kira mitigasi yang dikemukakan oleh responden. Walau bagaimanapun tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada responden dan juga sebagai perlindungan kepada masyarakat. Kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah serius. Responden patut menerima akibat atas kesalahan yang telah dilakukan itu. Kami juga mengambil kira niat Parlimen yang telah meminda peruntukan yang berkuatkuasa pada 6 Mac 2007 bagi menaikkan hukuman penjara maksimum daripada 20 tahun ke-30 tahun sekali gus memandang serius kesalahan jenayah di bawah s. 304(a) Kanun.

A **[20]** Berdasarkan semua alasan yang dihuraikan di atas, kami sebulat suara membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mensabitkan responden dengan kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun dan kami memerintahkan responden dihukum penjara selama tempoh 15 tahun mulai 29 Ogos 2012, iaitu tarikh kami
B menjatuhkan hukuman terhadap responden.

C

D

E

F

G

H

I